

29/04/2001

Saksi perlu diberi perlindungan

APA pandangan saudara mengenai keperluan mewujudkan satu akta berkaitan melindungi saksi dalam kes jenayah?

Apa yang dikatakan oleh Dr Mahathir dan kemudian dilaporkan dalam akhbar ialah perlunya undang-undang untuk melindungi saksi dalam jenayah serius ketika memberikan keterangan dan bukti. Sebenarnya dalam isu ini kita perlu lihat dua bahagian. Pertama perlindungan saksi ketika kejadian jenayah berlaku sehinggalah kes itu dibawa ke mahkamah. Kedua ialah perlindungan saksi ketika perbicaraan.

Dalam aspek pertama, perlindungan sebelum perbicaraan, perlindungan saksi harus diletakkan di bawah tanggungjawab polis. Masa inilah polis akan menyiasat kes, merekod kenyataan saksi, menghantar barang kes kepada jabatan kimia, doktor untuk diuji atau diperiksa. Jadi, ada pelbagai persiapan perlu dilakukan dalam tempoh itu. Oleh itu, kalau anda seorang saksi dan anda takut untuk tampil, bermakna anda memerlukan perlindungan polis.